

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Orang yang sangat rajin melakukan sesuatu

1. Peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas ialah
 - A habis kapak benganti beliung.
 - B hati hendak, semua jadi
 - C awal dibuat akhir diingat
 - D air dicincang tidak akan putus

2. Josan tidak mengetahui hal ehwal semasa negara kerana dia tidak gemar membaca.

Pernyataan di atas amat sesuai dengan peribahasa

 - A seperti air di dalam kolam
 - B seperti embun di hujung tanduk
 - C seperti katak di bawah tempurung
 - D seperti kerbau dicucuk hidung

3. Para tetamu berasa teruja apabila dapat sama-sama menyaksikan majlis perkahwinan yang masih mengekalkan adat – istiadat turun termurun.

Keadaan ini sesuai dengan peribahasa

 - A orang mengantuk disorongkan bantal
 - B tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas
 - C yang bulat datang mengolek, yang pipih datang melayang
 - D masuk ke telinga kanan, keluar melalui telinga kiri.

4. Penduduk di Taman Mahkota itu mengamalkan sikap tolong-menolong semasa menjayakan hari keluarga taman itu pada tahun ini.

Keadaan ini umpamakan seperti peribahasa yang berikut kecuali

 - A seperti aur dengan tebing
 - B berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
 - C bukit sama didaki, lurah sana dituruni
 - D kais pagi makan pagi, kais petang makan petang

5. Peribahasa yang berikut membawa maksud mengharapkan sesuatu yang belum tentu lagi menjadi kenyataan, kecuali
 - A ada sampan hendak berenang
 - B burung terbang dipipiskan lada
 - C belum duduk sudah berlunjur
 - D mendengar guruh di langit, air di tempayan dicurahkan